



LEMBAGA PENDUDUK DAN PEMBANGUNAN KELUARGA NEGARA, MALAYSIA

KENYATAAN TAWARAN

Tawaran ini adalah dipelawa kepada syarikat/pembekal yang mempunyai kod bidang yang masih berkuatkuasa/sah.

No. Sebutharga	SH/Q - 03/2026
Tajuk Sebutharga	Menyediakan Perkhidmatan Rawatan <i>Intrauterine Insemination</i> (IUI) Untuk Klinik Subfertiliti LPPKN Sarawak Bagi Tempoh Lapan (8) Bulan.
Tarikh Buka Tawaran Sebutharga	05 MAC 2026 (KHAMIS)
Taklimat Sebut harga:	Tarikh: 09 Mac 2026 (Isnin) Masa: 10.30 Pagi Tempat: Bilik Mesyuarat Utama, Aras 4, Pusat Keluarga LPPKN Sarawak
Tarikh/ Masa Tutup Tawaran Sebutharga	27 MAC 2026 (Jumaat) Sebelum Jam 12.00 Tengahari. Tawaran Yang Lewat Tidak Akan Dipertimbangkan.
Syarat/ Terma tawaran	i. Pelawaan kepada Syarikat / Pembekal yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dalam kod bidang: 222705 - Ujian Makmal ii. Penyebutharga perlu mengemukakan Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat dengan Kementerian Kewangan (MOF) dengan kod bidang yang berkaitan.
Borang Tawaran Sebutharga	Borang boleh diambil di : Pusat Keluarga LPPKN Sarawak, Lot 3593, Blok 14, Segoe Center, Salak Land District, Jalan Sultan Tengah, 93050 Kuching Sarawak. (Unit Pentadbiran dan Perhubungan Awam, Aras 4) Borang pengesahan menyertai sebut harga, Borang Lampiran Q dan Borang Sebut Harga SH/Q - 03/2026.

KENYATAAN TAWARAN

Tawaran ini adalah dipelawa kepada syarikat/pembekal yang mempunyai kod bidang yang masih berkuatkuasa/sah.

Cara Penghantaran Borang Tawaran Sebut Harga	1. Hantar tangan : Pusat Keluarga LPPKN Sarawak, Lot 3593, Blok 14, Sego Center, Salak Land District, Jalan Sultan Tengah, 93050 Kuching Sarawak. (Unit Pentadbiran dan Perhubungan Awam, Aras 4)	2. *Pengeposan ke alamat berikut : Pusat Keluarga LPPKN Sarawak, Lot 3593, Blok 14, Sego Center, Salak Land District, Jalan Sultan Tengah, 93050 Kuching Sarawak. (Unit Pentadbiran dan Perhubungan Awam, Aras 4)
	*Makluman : Sebut Harga yang di hantar dengan menggunakan Perkhidmatan pos berdaftar / kurier, Pembekal hendaklah memastikan dokumen tersebut selamat tiba pada alamat yang telah di ditetapkan sebelum atau pada tarikh tutup sebut harga selewat-lewatnya pada pukul 12.00 tengah hari 27 MAC 2026 (JUMAAT) Sebarang kelewatan yang timbul dalam urusan tersebut tidak akan dilayan.	
Waktu Pejabat beroperasi	Pada waktu pejabat : Isnin hingga Khamis : 8.00 pagi hingga 4.30 petang Rehat : 1.00 hingga 2.00 petang Jumaat : 8.00 pagi hingga 4.30 petang Rehat : 11.45 tengahari hingga 2.15 petang	
Pertanyaan	PEGAWAI UNTUK DIHUBUNGI <ul style="list-style-type: none"> • Dr. Alina Binti Ali Pegawai Perubatan Klinik Subfertiliti LPPKN Sarawak Tel: 082-374 677 • Fenelia Defney Anak Godis Ketua Jururawat Klinik Subfertiliti LPPKN Sarawak Tel: 082-374 677 	

Dokumen sebut harga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam peti sebut harga dan pembekal perlu **mengisi borang jadual penerimaan sebut harga** semasa menghantar dokumen ke Unit Perolehan.

Nota : Pembekal yang berminat untuk mendaftar sebagai Pembekal LPPKN boleh memuat turun borang pendaftaran pembekal melalui laman web rasmi <https://www.lppkn.gov.my>

LEMBAGA PENDUDUK DAN PEMBANGUNAN KELUARGA NEGARA (LPPKN)

Pusat Keluarga LPPKN Sarawak, Lot 3593, Blok 14, Segu Center,
Jalan Sultan Tengah, 93050 Kuching, Sarawak.

BORANG PENENTUAN TEKNIKAL TAWARAN (SPESIFIKASI)

SEBUTHARGA : SH/Q – 03/2026

FAIL RUJUKAN LPPKN : LPPKN.Q.300-4/4 JLD.4

BEKALAN / PERKHIDMATAN / : MENYEDIAKAN PERKHIDMATAN RAWATAN *INTRAUTERINE INSEMINATION* (IUI) UNTUK KLINIK SUBFERTILITI LPPKN SARAWAK BAGI TEMPOH LAPAN (8) BULAN.

Bil	Perihal Barang-Barang / Perkhidmatan Dan Syarat-Syarat Khas	Kuantiti Diperlukan	Bentuk Bungkus	Catatan
1.0	Perkhidmatan rawatan <i>intrauterine insemination</i> (IUI)	170		
1.1	Konsultasi i. Penilaian latar belakang perubatan pasangan (sejarah kesihatan, alahan, kesuburan, rawatan lampau, ujian saringan asas) oleh doktor. ii. Penyediaan pelan rawatan individu.			
1.2	Follicular tracking i. Pemerhatian perkembangan folikel melalui imbasan ultrabunyi transvaginal secara bersiri beberapa kali dalam satu kitaran rawatan. ii. Penilaian saiz dan bilangan folikel matang. iii. Penentuan masa sesuai untuk suntikan ovulasi (trigger) dan prosedur IUI.			

Bil	Perihal Barang-Barang / Perkhidmatan Dan Syarat-Syarat Khas	Kuantiti Diperlukan	Bentuk Bungkus	Catatan
1.3	<p>Ubat ovarian stimulation</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Pemberian ubat-ubatan (Contoh: Clomiphene citrate, Letrozole, Inj. Gonal F dan Inj. Humog) untuk merangsang ovari menghasilkan lebih daripada satu folikel matang. ii. Dos dan tempoh rawatan ditentukan oleh doktor mengikut respons pesakit. 			
1.4	<p>Ubat ovulation trigger</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Ubat suntikan (hCG – <i>human chorionic gonadotropin</i>) diberi apabila folikel mencapai saiz matang bertujuan untuk mencetuskan ovulasi dalam tempoh 36-40 jam. ii. Masa Prosedur IUI diselaraskan dengan masa suntikan. 			
1.5	<p>Prosedur IUI</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Menyediakan tempat sesuai untuk pengeluaran dan pengumpulan sampel air mani. ii. Pemprosesan sperma di makmal (<i>sperm washing</i>) untuk menumpukan sperma motil. iii. Penyuntikan sperma yang telah diproses melalui ke dalam rahim menggunakan kateter IUI yang disediakan. 			
1.6	<p>Ubat luteal phase support</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Ubat hormon progesteron (suppositori vagina, tablet oral, atau suntikan) diberi selepas IUI untuk menyokong fasa luteal dan penempelan embrio untuk tempoh sekitar 14 hari atau sehingga keputusan ujian kehamilan diketahui. 			

Bil	Perihal Barang-Barang / Perkhidmatan Dan Syarat-Syarat Khas	Kuantiti Diperlukan	Bentuk Bungkusan	Catatan
1.7	<p>Ujian kehamilan</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Ujian air kencing atau darah β-hCG kira-kira 14 hari selepas prosedur IUI untuk menentukan sama ada kehamilan berjaya tercapai. ii. Susulan lanjut berdasarkan keputusan (sama ada teruskan rawatan, ulang kitaran atau menamatkan rawatan) 			

LEMBAGA PENDUDUK DAN PEMBANGUNAN KELUARGA NEGARA (LPPKN)

Pusat Keluarga LPPKN Sarawak, Lot 3593, Blok 14, Segu Center,
Jalan Sultan Tengah, 93050 Kuching, Sarawak.

BORANG PENENTUAN TEKNIKAL TAWARAN (SPESIFIKASI)

Bil	Perihal Barang-Barang / Perkhidmatan Dan Syarat-Syarat Khas	Kuantiti Diperlukan	Bentuk Bungkusan	Catatan
2.0	<p>SYARAT-SYARAT DAN TERMA</p> <p>i. Pelawaan kepada Syarikat / Pembekal yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dalam kod bidang: 222705 - Ujian Makmal.</p> <p>ii. Mana-mana pembekal yang menyertai sebut harga ini perlu menghadiri sesi taklimat oleh Klinik Subfertiiliti LPPKN Sarawak berkenaan keperluan, tatacara dan sasaran Rawatan IUI di bawah Program Bantuan Rawatan Kesuburan dan Advokasi Infertiiliti (BuAI).</p> <p>iii. Pasangan yang dipilih untuk menjalani rawatan IUI perlu memenuhi kriteria kelayakan Program BuAI.</p> <p>iv. Spesifikasi Teknikal adalah penting dan perlu dibaca, difahami dan diuruskan seperti mana yang diminta. Kegagalan memahami serta menguruskannya dengan tidak betul boleh mencacat dan menggagalkan tawaran pelawaan Sebut Harga.</p> <p>v. Penyebut harga dikehendaki membuat ulasan/kenyataan yang sewajarnya di ruangan yang ditetapkan (Ruangan catatan). Kegagalan berbuat demikian boleh menjejaskan penilaian terhadap tawaran yang dibuat.</p> <p>vi. Sebelum menghantar tawaran Sebut Harga, Penyebut harga hendaklah memeriksa dokumen Sebut Harga dan jadual spesifikasi dengan teliti dan sekiranya mendapati sebarang kesilapan atau kekeliruan hendaklah mendapatkan penjelasan dan pengesahan daripada pihak LPPKN Negeri Sarawak.</p> <p>vii. Sebarang tuntutan berkenaan alasan ketidaktahuan (plea of ignorance) yang dibuat kemudian tidak akan dilayan.</p> <p>viii. Tertakluk kepada apa-apa syarat khas yang ditetapkan di tempat lain dalam pelawaan ini, syarat-syarat am yang berikut hendaklah dipakai, melainkan setakat mana syarat-syarat am itu ditolak atau diubah dengan khususnya oleh Penyebut harga.</p> <p>a) Kerajaan tidak terikat untuk menyetujui terima tawaran yang terendah atau mana-mana tawaran.</p>			

Bil	Perihal Barang-Barang / Perkhidmatan Dan Syarat-Syarat Khas	Kuantiti Diperlukan	Bentuk Bungkusan	Catatan
	<p>b) Kerajaan berhak menimbang tiap-tiap satu butiran sebagai satu tawaran yang berasingan atau bersekali.</p> <p>c) Sekiranya terdapat apa-apa perkhidmatan / perkara di dalam (Jadual Tawaran Harga) yang tidak diletakkan harga, maka ia akan dianggap bahawa kos item atau barangan tersebut telah pun dimasukkan di lain-lain bahagian atau barangan di dalam Jadual Tawaran Harga. (Sebarang tuntutan tambahan untuk perkhidmatan tersebut tidak akan dilayan).</p> <p>ix. Penyebut harga hendaklah mengganti rugi Kerajaan dengan sepenuhnya sekiranya berlaku sebarang perlakuan, tuntutan, kos atau perbelanjaan yang berbangkit daripada atau disebabkan oleh sebab-sebab atau pelanggaran paten hak milik dan reka bentuk, 'trademark', nama atau pun apa-apa hak yang dilindungi di dalam apa-apa kerja, material atau benda/sistem atau cara-cara menggunakan, cara-cara kerja atau susunan yang digunakan atau dibekalkan oleh Penyebut harga.</p> <p>x. Para viii (a) dan (b) di atas ini tidaklah memudaratkan apa-apa hak Kerajaan untuk mendapatkan ganti rugi kerana kemungkiran kontrak.</p> <p>xi. Sebut Harga ini dan apa-apa kontrak yang timbul daripadanya hendaklah diertikan mengikut dan dikawal oleh undang-undang Malaysia dan Penyebut harga bersetuju tertakluk hanya kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia sahaja dalam apa-apa pertikaian atau perselisihan jua pun yang mungkin timbul mengenai Sebut Harga ini atau apa-apa kontrak yang timbul daripadanya.</p> <p>xii. "Iklan & Publisiti - Tiada maklumat berkenaan sebut harga boleh disiarkan dalam sebarang akhbar, majalah atau alat pengiklanan atau media masa melainkan jika pengiklanan itu telah pun dihantar kepada dan diluluskan oleh Kerajaan terlebih dahulu."</p>			
3.0	<p>SKOP PERKHIDMATAN</p> <p>i. Pembekal akan menjalankan ujian, prosedur dan membekalkan ubat/peralatan seperti dalam perkara No.1 bagi klien Klinik Subfertiliti LPPKN Sarawak.</p> <p>ii. Pembekal berjaya boleh mendapatkan/merujuk pelanggan kepada Klinik Subfertiliti LPPKN Sarawak untuk mendapatkan baucar rawatan BuAi dan seterusnya pelanggan ini boleh menggunakan baucar tersebut untuk mendapatkan rawatan di tempat pembekal.</p>			

Bil	Perihal Barang-Barang / Perkhidmatan Dan Syarat-Syarat Khas	Kuantiti Diperlukan	Bentuk Bungkusan	Catatan
	<p>iii. Harga adalah termasuk semua kos rawatan dari permulaan ubat <i>ovarian stimulation</i> sehingga ujian kehamilan tetapi tidak termasuk ujian-ujian saringan dan ubat-ubatan di luar rejim rawatan yang dipersetujui.</p> <p>iv. Pembekal dimohon untuk mengemukakan data laporan rawatan IUI kepada LPPKN bagi setiap kes yang telah dijalankan.</p> <p>v. Sekiranya semasa perkhidmatan sedang berjalan, pembekal perkhidmatan gagal meneruskan perkhidmatan tersebut mengikut <i>timeline</i> iaitu sebelum 31 Disember 2026 atau melanggar kewajipan kontrak, LPPKN berhak membatalkan tawaran.</p>			
4.0	PEMBAYARAN			
	<p>i. Invois yang dihantar hendaklah sama dengan senarai nama klien yang menjalani rawatan IUI pada bulan tersebut dan disahkan oleh Ketua Klinik atau Pegawai yang menjalankan tugas Ketua Klinik atau pegawai yang menyediakan dokumen bagi pembayaran di Klinik Subfertiliti LPPKN Sarawak.</p> <p>ii. Invois yang tidak lengkap atau tidak disertakan dengan dokumen sokongan yang lengkap akan ditolak atau ditangguhkan proses pembayaran.</p>			

Bil.	Pertanyaan berkaitan spesifikasi item / Penghantaran :	Bil.	Pertanyaan berkaitan dokumentasi :
A.	Klinik Subfertiliti LPPKN Sarawak	1.	Cik Josephine Anak Sylestine Usah Unit Pentadbiran dan Perhubungan Awam Tel: 082-374 670
1.	Dr. Alina Binti Ali Klinik Subfertiliti LPPKN Sarawak Pusat Keluarga LPPKN Sarawak Tel: 082 - 374677	2.	Puan Nurfadzilah Binti Rapae Unit Pentadbiran dan Perhubungan Awam Tel: 082-374 670
2.	Puan Fenelia Defney Anak Godis Klinik Subfertiliti LPPKN Sarawak Pusat Keluarga LPPKN Sarawak Tel: 082 - 374677		

Nota : Borang Penentuan Teknikal Tawaran (Spesifikasi) ini hendaklah di simpan sebagai rujukan pihak pembekal dan tidak perlu di kembalikan kepada Unit Perolehan LPPKN.